

TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF

MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA

PERHIMPUNAN BULANAN

KEMENTERIAN KERJA RAYA

BAGI BULAN JANUARI 2015

PADA

22 JANUARI 2015

(KHAMIS)

DEWAN TAN SRI MAHFOZ KHALID

KOMPLEKS KERJA RAYA

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YB Datuk Rosnah bte Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kerja Raya

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBrs. Tuan Hj. Sarani bin Hj. Dollah
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

YBhg. Dato' Zainudin bin Zakaria
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)

YBhg. Dato' Ir. Annies bin Md. Ariff
Ketua Pengarah Kerja Raya
Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

YBhg. Dato' Sri Ir. Dr. Judin bin Abd Karim
Ketua Eksekutif

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBhg. Dato' Ir. Haji Ismail bin Md Salleh

Ketua Pengarah Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM)

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,

YBhg.Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan
sekalian.

Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia,

1. Terlebih dahulu sukacita saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah izin dan innayah-nya, maka kita dapat bersama berhimpun pada pagi ini dalam semangat dan iltizam tinggi sempena tahun baharu 2015. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga serta para sahabat baginda.

2. Masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat tahun baharu 2015 kepada semua warga Kerja Raya dan bersamalah kita menanam azam supaya tahun 2015 ini akan menjadi lebih baik dari tahun sebelumnya dan sama-sama kita berdoa agar kita diberikan kemudahan untuk melaksanakan semua tugas yang di amanahkan.

3. Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar buat dunia amnya dan negara kita khususnya. Kehilangan 2 buah pesawat serta banjir besar yang melanda negeri-negeri di Pantai Timur, Perak, Perlis, Johor

dan Negeri Sembilan antara ujian besar yang kita hadapi.

4. Dalam menangani musibah dan ujian yang kita hadapi ini, saya melihat ada hikmah yang tersirat dibaliknya. Semangat perpaduan, kerjasama serta keprihatinan segenap lapisan masyarakat Malaysia dapat dilihat dan seharusnya dipuji. Pertolongan serta sumbangan yang tidak putus kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira latar belakang politik, agama serta budaya menunjukkan betapa semangat perpaduan kita masih utuh. Semangat inilah yang akan memperkasakan kita dalam mendepani cabaran di masa akan datang.

YBhg Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

5. Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan **Mercy KKR dan JKR** yang telah bertungkus lumus membantu menghantar bantuan kemanusiaan di negeri-negeri Pantai Timur yang dilanda banjir tempoh hari. Begitu juga dengan misi pasca banjir ke Temerloh, Pahang, yang telah dilaksanakan dengan jayanya. Benar kata pepatah melayu, "Berat Mata Memandang, Berat Lagi Bahu Yang Memikulnya". Bagi meringankan beban dan tanda sokongan padu kementerian kepada mangsa-mangsa banjir, Pasukan Misi Pasca Banjir (PMPB) KKR bersama agensi serta badan-badan korporat terlibat telah berganding bahu untuk turun membantu masyarakat Temerloh melaksanakan kerja-kerja amal membersihkan 12 buah sekolah, 2 buah kampung serta 1 Taman Perumahan. Saya difahamkan seramai **1,218 orang sukarelawan** PMPB KKR telah turun ke Temerloh membantu melaksanakan kerja-kerja pembersihan di lokasi-lokasi yang terlibat.

6. Saya berpandangan tugas KKR tidak akan terhenti bagi misi bantuan sukarelawan pasca banjir sahaja, tetapi cabaran yang menanti pada tahun 2015 adalah lebih besar. Banyak kemusnahan infrastuktur seperti jalan raya, jambatan serta kemudahan awam lain yang perlu dinilai dan diambil tindakan pembaikan. Walaupun jumlah kerugian dan kemusnahan infrastuktur di bawah seliaan KKR belum dapat dimuktamatkan sepenuhnya, tetapi KKR dijangka akan membelanjakan jutaan ringgit bagi membaikpulih jalan raya, jambatan dan cerun yang rosak akibat banjir. Justeru, saya berharap semua Ketua-Ketua Jabatan teknikal termasuk Jurutera Daerah yang terlibat dengan bencana banjir memastikan kerja-kerja pembaikan infrastuktur yang terjejas dilaksanakan dengan kadar segera, namun mestilah mematuhi standard dan kualiti yang ditetapkan. Seperti yang dimaklumkan oleh YAB Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak baru-baru ini, keutamaan kerajaan pada tahun ini adalah untuk melaksanakan pemulihan infrastruktur, premis perniagaan dan kediaman yang musnah akibat banjir dengan memastikan pembangunan yang lebih mesra alam.

7. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Pasukan Bilik Gerakan Bencana Jabatan Kerja Raya yang beroperasi 24 jam sehari bagi memberi bantuan dan maklumat berhubung penutupan jalan-jalan yang terlibat dengan banjir. Alhamdulillah, tugas murni kita ini telah membuka mata banyak pihak dan turut menerima pujian oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Saya dengan rasa rendah diri berterima kasih kepada semua petugas-petugas Bilik Gerakan Bencana KKR/JKR yang bertungkus-lumus

rakyat. Tidak lupa juga kepada **Pasukan Media Sosial KKR** yang bersama-sama membantu menghebahkan dan mengemaskini maklumat dan info-info terkini dengan pantas untuk makluman rakyat. Saya difahamkan beberapa akaun *twitter* dan *facebook* JKR Negeri dan daerah yang terkesan dengan bencana banjir telah meningkat bilangan *followers* dan *like* dengan mendadak.

8. Saya yakin dan percaya, cabaran yang menanti pada tahun 2015 ini sudah tentu berbeza dengan apa yang telah kita hadapi. Walau apa pun yang mendatang, kita harus terus mengorak langkah kehadapan. Mendepani segalanya dengan kesungguhan, keberanian dan diiringi semangat perpaduan sesama kita. Insyaallah, kejayaan pasti muncul jua.

YBhg Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

KPI KEMENTERIAN

9. Sukacita saya menyatakan bahawa saya berpuas hati dengan prestasi, inisiatif dan program-program yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian. Namun demikian hala tuju dan strategi yang lebih proaktif perlu diatur dan dilaksanakan supaya Kementerian terus cemerlang dan berada di landasan yang tepat dalam meneraju agenda Pelan Transformasi Negara. Saya juga amat berharap supaya inisiatif dan program Kementerian lebih dirasai impaknya dan memberi

merealisasikan hasrat tersebut satu piawaian diperlukan bagi mengukur prestasi pencapaian terhadap inisiatif dan program-program yang dilaksanakan.

10. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada semua warga Kementerian dan Agensi yang telah memberikan kerjasama cemerlang sehingga menghasilkan pencapaian *Key Performance Indicator* atau KPI yang telah melebihi daripada sasaran yang ditetapkan. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan syabas kepada pihak pengurusan dan warga KKR dan Agensi yang telah bekerjasama dan memainkan peranan yang sewajarnya.

11. Untuk makluman, KPI yang dibangunkan oleh KKR adalah berdasarkan **tujuh teras utama** yang meliputi fungsi utama Kementerian iaitu peranan Kerajaan dalam pelaksanaan projek-projek Kerajaan, kualiti dan keselamatan jalan raya, penambahbaikan rangkaian lebuhraya, peningkatan kapasiti kontraktor tempatan, transformasi penyampaian perkhidmatan awam dan pemerksaan ekonomi bumiputera.

SEKTOR PEMBINAAN

12. Sepanjang tahun 2014, sebanyak **241 projek pembangunan** telah dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak **RM3.74 bilion**. Sehingga 31 Disember 2014, prestasi perbelanjaan adalah sebanyak 99.6% dan sebanyak 54 projek di bawah Kementerian Kerja Raya telah

siap sepenuhnya.

13. Antara projek-projek yang telah disiapkan pada tahun 2014 adalah:

- (i) Pembukaan 2 persimpangan bertingkat baru di sepanjang Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) iaitu Persimpangan Bertingkat Sungai Buaya, Selangor yang dibuka pada 9 Januari 2014 dan Persimpangan Bertingkat Bukit Gambir, Johor yang dibuka pada 25 Januari 2014.
- (ii) Projek Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Pulau Pinang yang menjadi salah satu mercu tanda kebanggaan negara di mana ianya telah dibuka secara rasminya pada 1 Mac 2014. Jambatan ini merupakan jambatan yang terpanjang di Asia Tenggara iaitu sepanjang 24 km yang telah dibina dengan kos projek keseluruhan sebanyak RM4.5 bilion.
- (iii) Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT2) sepanjang 184 km, walau bagaimanapun pembukaannya terpaksa ditangguhkan akibat banjir yang melanda negeri Terengganu.

14. Dalam usaha untuk meningkatkan perhubungan dan menambah baik jaringan jalan raya, Kerajaan telah mengumumkan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang bakal memberi manfaat kepada negeri Sabah dan Sarawak. Pada masa ini, lebuhraya berkenaan telah dinaiktaraf sepenuhnya daripada *gravel* kepada jalan berturap

sepanjang 2,239 km. Bagi menaiktaraf lebuhraya ini kepada *dual*

carriageway secara keseluruhan, Kerajaan sedang menimbang kaedah pelaksanaan secara kerjasama awam swasta bagi mempercepat pelaksanaannya.

PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA

15. Dalam menuju status negara maju dan berpendapatan tinggi, Malaysia memerlukan pekerja berkemahiran sebagai pemangkin kepada usaha-usaha transformasi. Sehubungan itu, industri pembinaan memerlukan pekerja-pekerja mahir bagi menghasilkan tahap pembinaan yang berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa. Justeru, penganjuran Pertandingan Kemahiran Malaysia adalah salah satu usaha kerajaan ke arah melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi dan bertaraf dunia khususnya dalam bidang-bidang yang melibatkan kemahiran pembinaan.

16. Dalam hal ini, kejayaan kontingen Malaysia di ASEAN Skills Competition (ASC) ke-10 yang telah berlangsung di Hanoi, Vietnam pada bulan Oktober 2014 jelas mencerminkan keupayaan negara dalam melahirkan pekerja-pekerja mahir dan berteknologi. Secara keseluruhannya, Malaysia telah memenangi 9 pingat emas, 4 pingat perak, 4 pingat gangsa dan 17 Medallion of Excellence daripada 23 bidang kemahiran yang dipertandingkan. Malaysia juga telah menduduki tangga kedua selepas negara tuan rumah Vietnam.

17. Daripada jumlah tersebut, kontinjen KKR sahaja telah memenangi

3 emas, 2 perak, 2 gangsa dan 7 Medallion of Excellence daripada 8

bidang kemahiran pembinaan yang dipertandingkan. Pencapaian KKR dalam ASC 2014 ini adalah lebih baik berbanding dengan ASC 2012 Jakarta, Indonesia di mana KKR memenangi 2 emas, 3 perak, 2 gangsa dan 6 Medallion of Excellence. Seramai 14 daripada 16 peserta bidang KKR telah memenangi pingat di ASC 2014 ini.

18. World Skills Competition (WSC) akan diadakan di Sao Paulo, Brazil pada bulan Ogos 2015. WSC adalah pertandingan kemahiran peringkat dunia yang diadakan setiap dua (2) tahun sekali dan melibatkan 72 negara anggota. Dalam WSC 2015 ini, KKR akan menghantar peserta untuk bertanding dalam 9 bidang kemahiran pembinaan dan saya berharap semua pihak yang terlibat dalam WSC ini termasuklah para peserta, pakar, jurulatih, institusi-institusi latihan dan syarikat-syarikat swasta dapat bekerjasama dan memberikan yang terbaik agar hasrat negara untuk memenangi pingat yang pertama di WSC ini tercapai.

YBhg Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

PEMANTAPAN AKTA BADAN PROFESIONAL

19. Dalam usaha Kerajaan memantapkan profesional pembinaan di negara ini, beberapa fasal di dalam Akta Badan-Badan Profesional dibawah KKR telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen Malaysia.

arkitek dan juruukur bahan di Malaysia demi untuk memenuhi keperluan melaksanakan dasar perdagangan bebas dan untuk mengamalkan prinsip persaingan perdagangan.

20. Seawal tahun 2008, Kerajaan telah membuat keputusan untuk membuka pasaran tempatan, termasuk sektor perkhidmatan yang melibatkan perkhidmatan profesional iaitu kejuruteraan, senibina dan juruukur bahan kepada pemegangan ekuiti asing sebanyak 100%. Selaras dengan itu, akta badan-badan profesional terlibat yang mengawal perkhidmatan berkaitan iaitu Akta Pendaftaran Jurutera 1967, Akta Arkitek 1967 dan Akta Juruukur Bahan 1967 telah dipinda bagi memuatkan keperluan dasar perdagangan bebas dan mengamalkan prinsip persaingan perdagangan. Seiringan dengannya, turut dipinda dalam akta-akta berkenaan ialah kawalan-kawalan terhadap amalan profesionalisme perkhidmatan-perkhidmatan berkaitan supaya kualiti pendidikan profesional di institusi-institusi pendidikan tempatan dan penyampaian perkhidmatan profesion berkaitan menepati piawaian antarabangsa yang terbaik di dunia.

21. Ketiga-tiga Rang Undang-undang Profesional iaitu RUU Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 2014, RUU Arkitek (Pindaan) 2014, RUU Juruukur Bahan (Pindaan) 2014 telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia pada sesi yang lepas. Secara ringkas, akta-akta yang mengawal profesion yang dipinda akan mendaftar di bawah lembaga profesional masing-masing sesiapa saja tanpa mengira kewarganegaraan yang mempunyai kelulusan yang diiktiraf, bagi

membolehkan mereka mengamalkan kerjaya mereka dalam pasaran tempatan.

22. Pindaan-pindaan ini juga membolehkan profesional luar sama seperti profesional tempatan, mendaftarkan syarikat-syarikat perundingan dengan lembaga profesional masing-masing bagi mendapat lesen amalan (*practice license*) dan seterusnya berdaftar dengan pendaftar syarikat bagi menjalankan urusan perniagaan mereka di pasaran tempatan.

YBhg Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

ANUGERAH INOVASI 2014

23. Pada tahun 2014 juga, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah membawa **18 produk inovasi** yang mempunyai nilai komersil yang tinggi untuk dipertandingkan di *Malaysia Technology Exhibition* (MTE) 2014 yang telah diadakan di PWTC, Kuala Lumpur pada 20 hingga 22 Februari yang lalu. JKR telah meraih 3 pingat emas, 7 perak dan 6 gangsa dan satu medal juri khas dalam pameran tersebut. Manakala Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) pula, berjaya meraih Pencapaian Anugerah Emas (3 bintang) dalam Konvensyen Inovative and Creative Circle (ICC) Wilayah Utara Tahun 2014 yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Jun 2014 di Pulau Pinang.

PEMANTAPAN KONTRAKTOR DAN PEMBEKAL BUMIPUTERA

24. Tahun 2014 juga menyaksikan penstrukturan organisasi KKR di mana berlaku penggabungan antara Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) yang telah berkuatkuasa pada 1 Mei 2014 yang kini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU). Penggabungan ini bertujuan untuk memantapkan kontraktor dan pembekal bumiputera dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam industri pembinaan negara.

25. Sehubungan itu, kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Pemerksaan Ekonomi Bumiputera (JPEB) yang menetapkan 6 inisiatif utama yang telah dan akan dilaksanakan bagi memacu peningkatan dan keupayaan kontraktor Bumiputera ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan '**Himpunan IBS Kebangsaan**' yang telah berlangsung pada 6 dan 7 Disember 2014 yang lalu di Kuching, Sarawak. Objektif utama himpunan tersebut adalah untuk berkongsi maklumat berkenaan perkembangan IBS di Malaysia. Seramai 350 peserta telah mengambil bahagian dalam himpunan itu yang merangkumi agensi, kontraktor, pembekal dan perunding.

26. Bagi tahun 2015 ini, kementerian akan terus memperkasakan kontraktor dan usahawan Bumiputera melalui program pembangunan modal insan dan teknikal seperti yang dirancang, demi memastikan Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera yang di war-warkan oleh Y.A.B Perdana Menteri dapat dilaksanakan dengan tuntas dan

komprehensif bagi memastikan golongan Bumiputera tidak terpinggir dan berdaya saing dalam sektor pembinaan.

PELAKSANAAN SISTEM BAYARAN TOL SECARA ELEKTRONIK (ETC)

27. Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha meningkatkan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuhraya. Bagi melancarkan proses pembayaran tol, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengaplikasikan penggunaan Sistem Bayaran Tol Secara Elektronik (ETC) sepenuhnya di lebuhraya pada tahun 2018.

28. Sehingga Disember 2014, sebanyak 7 buah plaza tol telah mengaplikasikan pembayaran tol secara elektronik sepenuhnya, iaitu di Plaza Tol Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Plaza Tol Kempas, Plaza Tol Sg. Rasau, Plaza Tol Batu Tiga dan 3 plaza tol di Lebuhraya LINKEDUA Malaysia – Singapura (Plaza Tol Tanjung Kupang, Plaza Tol Lima Kedai dan Plaza Tol Perling).

29. Bilangan ini akan ditambah sebanyak 11 buah lagi pada tahun 2015. Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan sasaran 65% penggunaan sistem kutipan tol secara elektronik (ETC) bagi lebuhraya dalam bandar dan 53% lebuhraya antara bandar. LLM amat positif dengan sasaran yang ditetapkan ini kerana berdasarkan analisis pencapaian sebenar penggunaan ETC bagi tahun 2014, secara keseluruhannya semua lebuhraya mengalami peningkatan penggunaan

ETC berbanding tahun 2013.

30. Tujuan peralihan daripada transaksi tunai kepada elektronik ini ialah untuk mengurangkan masa menunggu kepada pengguna sekaligus mengurangkan masalah kesesakan trafik yang sering berlaku di plaza-plaza tol. Secara tidak langsung dapat memberi manfaat kepada pengguna khususnya dari aspek penjimatan masa dan kos bahan bakar serta mesra alam.

31. Bagi menggalakkan penggunaan bayaran secara elektronik ini, pelbagai program dan promosi serta pemberian insentif akan dilaksanakan oleh KKR dengan kerjasama Lembaga Lebuh Raya Malaysia (LLM), Touch 'n Go Sdn Bhd (TNGSB) serta syarikat konsesi pengendali lebuh raya.

YBhg Dato' Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

RANCANGAN MALAYSIA KE-11

32. Selanjutnya, pada Mei 2015 nanti, bermulalah jendela Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Lantaran itu, satu pendekatan baharu sedang digariskan yang dikenali sebagai Strategi Pembangunan Nasional Malaysia atau *Malaysian National Development Strategy* atau MyNDS seperti yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2015 pada 10 Oktober 2014 yang lalu.

33. MyNDS akan menjadi antara formula kepada perancangan dan penyediaan program serta projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-11.

menumpukan kepada projek dan program berimpak tinggi, kos yang rendah serta pelaksanaan secara cekap dan pantas . Dalam erti kata lain, Bajet 2016 kelak, akan menjadi pemula kepada lonjakan akhir memacu separuh dekad Malaysia dalam menuju status *High Income Advanced Economy* menjelang 2020.

PENUTUP

34. Tahun 2015 baru bermula, hargailah masa dan peluang yang diberi oleh-Nya dengan sebaik mungkin. Masa yang kita ada tidak panjang dan kadangkala terlalu singkat. Jika kita semua ingin memulakan sesuatu, lakukannya sekarang, pasti kejayaan akan menyusul. *TOGETHER WE BUILD! And quality works must be our hallmark!*

35. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua warga Kementerian ini supaya mengeratkan kerjasama, persefahaman dan menggembleng tenaga dalam merealisasikan segala perancangan yang telah dibuat. Ini adalah kerana kita mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan negara kita berada di atas landasan yang tepat dalam melaksanakan aspirasi nasional.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.